

UPMKB komited kembangkan sektor pertanian

BINTULU: Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) terus komited dalam mengembangkan sektor pertanian dengan menganjurkan mesyuarat permulaan bagi projek Memperkasakan Kepelbagaian Tanaman Melalui Aplikasi Luar Angkasa Inovatif (CropBio) di Bintulu, baru-baru ini.

Menurut satu kenyataan daripada UPMKB, projek itu kelak akan membolehkan penanaman pelbagai jenis tanaman yang sesuai dan tahan dengan bencana yang berlaku pada setiap musim.

"Projek ini dimulakan oleh Suruhanjaya Ekonomi dan Sosial

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Asia dan Pasifik (ESCAP) dan Institut Penyelidikan Maklumat Angkasa (AIR-CAS) Akademi Sains China di beberapa negara Asia Tenggara terpilih.

"Ia untuk meningkatkan ketersediaan dan aksesibiliti data mengenai kepelbagaian tanaman di lokasi pengujian iaitu di Malaysia, Indonesia dan Filipina dengan membina pangkalan data tanaman geospasial dan menjalankan penilaian kepelbagaian tanaman untuk menyokong ketahanan pertanian dan objektif kepelbagaian biologi," kata ke-

nyataan itu.

Permulaan projek tersebut adalah kesinambungan kepada perbincangan yang diadakan di Forum Serantau mengenai Aplikasi Maklumat Geospasial untuk Pertanian yang Tahan Bencana di Asia Tenggara yang telah diadakan di Kunming, China dari 30 November hingga 1 Disember tahun lepas.

Berucap pada mesyuarat itu, Ketua Aplikasi Angkasa, Keran Wang menzahirkan rasa penghargaan kepada UPMKB yang menjadi tuan rumah untuk mesyuarat dan demonstrasi lapangan yang dikelolakan dengan

cemerlang.

"Kita berkumpul dalam mesyuarat ini kerana percaya bahawa sains dan teknologi angkasa dan aplikasinya dapat menyokong pembangunan mampan khususnya dalam sektor pertanian.

"Perbincangan kita akan memberi tumpuan kepada inisiatif konkrit, projek bertajuk Memperkasakan Kepelbagaian Tanaman Melalui Aplikasi Luar Angkasa

Inovatif (CropBio), yang kita semua akan laksanakan secara berkolaborasi sehingga 2027 di Indonesia, Malaysia dan Filipina," katanya.

Pada masa sama, pengarah kampus UPMKB, Profesor Dr. Shahrul Razid Sarbini juga menekankan rasa syukur beliau terhadap kerjasama antarabangsa ini semasa ucapan penyambutannya.



KETUA Aplikasi Angkasa, pengarah kampus UPMKB, Profesor Dr. Shahrul Razid Sarbini merakam gambar bersama para hadirin pada mesyuarat permulaan bagi pelaksanaan projek CropBio di Bintulu, baru-baru ini.